

Muszaphar buka Pusat Penyelidikan Aeroangkasa

Oleh NOR SHAFAWATI YUP
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha merancang membuka sebuah Pusat Penyelidikan Aeroangkasa menjelang tahun 2013.

Menurut beliau, pusat tersebut yang akan dibangunkan di kawasan seluas lapan hektar di sekitar Labu, Negeri Sembilan itu akan menjadi pusat kajian dan pembelajaran mengenai sains angkasa lepas.

"Kita akan turut mengumpulkan jurutera-jurutera angkasa lepas dari seluruh dunia untuk berkongsi ilmu dan pengalaman di pusat penyelidikan itu.

"Saya memilih Negeri Sembilan kerana saya dilahirkan di sana dan usaha ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan negeri," katanya dalam sidang akhbar pada majlis pelancaran buku tulisannya *Journey To Space: A Memoir Of Malaysia's First Angkasawan* yang disempurnakan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Buku tersebut boleh didapati di pasaran pada harga RM60 untuk kulit tebal dan RM25 untuk kulit biasa. Versi bahasa Melayu pula akan berada di pasaran dalam masa tiga bulan lagi.

Sheikh Muszaphar berkata, beliau turut bercadang menyediakan sebuah kem angkasa lepas di pusat penyelidikan tersebut untuk kemudahan pelajar sekolah mempe-



ROSMAH tertarik dengan buku *Journey To Space: A Memoir Of Malaysia's First Angkasawan* tulisan Sheikh Muszaphar selepas melancarkannya di Kuala Lumpur semalam.

lajari ilmu sains angkasa lepas.

"Di kem tersebut, para pelajar boleh datang selama tiga hingga empat hari untuk mempelajari mengenai ilmu falak dan astronomi.

"Sekarang kita lihat, mereka (pelajar) ada yang tidak tahu nama-nama planet dan ini membimbangkan," katanya yang enggan menjelaskan lanjut kos pembinaan pusat tersebut yang akan dijayakan dengan pelabur swasta.

Mengulas mengenai buku tulisannya, Sheikh Muszaphar berkata, ia merupakan coretan perjalanan hidupnya sejak dilahirkan sehingga pulang dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada Oktober 2007.